

17 SEP 1996

CALON KETUA PEMUDA UMNO YANG MUNGKIN DIGUGURKAN BUAT RAYUAN

SEPANG, 17 Sept (Bernama) -- Seorang calon Ketua Pemuda Umno, Abdul Rauf Jamalis, yang kemungkinan digugurkan sebagai calon kerana masih memegang jawatan kerajaan kategori A, berkata hari ini beliau sudah mengemukakan rayuan kepada ibu pejabat parti.

Rayuannya itu telah dikemukakan oleh wakilnya semalam kepada jawatankuasa khas parti, yang dipengerusikan oleh presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau memberitahu Bernama di sini.

Mengikut peraturan yang ditetapkan, seorang pegawai kategori A tidak boleh memegang jawatan dalam parti politik.

Semalam Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat berkata seorang calon jawatan Ketua Pemuda pada pemilihan parti Oktober ini kemungkinan akan digugurkan daripada pertandingan kerana masih memegang jawatan kerajaan dalam katagori A.

Mohamed tidak menyatakan nama calon berkenaan tetapi daripada enam orang calon bagi jawatan itu, Abdul Rauf, 42, pegawai penerangan yang dipinjamkan ke Kementerian Belia dan Sukan, adalah pegawai kerajaan kategori A.

Rauf menyifatkan sebagai masalah teknikal sahaja masalah yang dihadapinya dan berkata beliau bagaimanapun akan akur kepada apa jua keputusan parti.

Katanya beliau telah membuat pengesahan untuk menerima pencalonan bertanding jawatan Ketua Pemuda pada 11 Sept lepas, sebelum tarikh tutup penerimaan dan penolakan pencalonan yang ditetapkan pada 14 Sept.

Ditanya apakah beliau bercadang meletakkan jawatan untuk melayakkan diri bertanding beliau berkata, "kita tunggu dahulu keputusan parti".

Abdul Rauf kini merupakan anggota biasa Umno dan telah menceburi bidang politik sejak 1973.

-- BERNAMA

RAR AHH